

29/01/2002

X-Games bukti kita aman - Dr M

Kadir Dikoh

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata publisiti mengenai Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat dan aman akan dapat menarik lebih ramai pelancong asing.

Perdana Menteri menggunakan contoh kejohanan Asian X Games Junior III dan Qualifier IV yang sedang berlangsung di ibu negara dan dijangka ditonton oleh 750 juta penonton di seluruh dunia, yang disifatkannya akan membantu memberi publisiti luas kepada Malaysia.

"Bagi Malaysia, ia adalah satu peluang untuk publisiti. Saya gembira mendengar bahawa berjuta-juta penonton di seluruh dunia yang akan menyaksikan sukan itu.

"Saya harap mereka akan mendapat gambaran baik mengenai negara ini dan mereka akan mengambil keputusan untuk datang serta menghabiskan cuti di sini, menikmati kehijauan, keindahan dan rakyat kami yang mesra," katanya merasmikan Kejohanan Asian X Games Junior III dan Qualifier IV di Taman KLCC petang semalam.

Sebanyak lima acara diadakan termasuk papan luncur, memanjat tembok tiruan dan basikal BMX yang disiarkan menerusi ESPN Star Sport dan dijangka ditonton oleh 750 juta penonton di seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata penganjuran sukan bertaraf antarabangsa di negara ini, yang dapat menarik lebih ramai pelancong asing, membuktikan bahawa Malaysia sebuah negara yang selamat.

"Warga asing boleh datang ke sini dan menyaksikan keamanan, terima kasih kepada rakyat," katanya.

Beliau berbangga dengan usaha negara menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa, yang dapat menarik lebih ramai pelancong asing ke Malaysia.

Ahad lalu Dr Mahathir merasmikan dua kejohanan bertaraf antarabangsa - kejohanan Ironman Langkawi Malaysia Triatlon 2002 dan kejohanan Kart Rotax Max Akhir di Pulau Langkawi.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia mungkin dapat melahirkan "Rambo" atau "Superman" sendiri yang boleh menunjukkan bakat seperti lakonan manusia seumpamanya di Amerika Syarikat.

"Saya percaya, Amerika adalah tempat untuk ini dan di Amerika sudah tentu kita melihat "Superman", "Rambo," dan banyak lagi. Mungkin kita akan mempunyai "Superman" atau "Rambo" Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, sukan lasak kini diminati di seluruh dunia.

"Hari ini kita melihat orang muda menyertai sukan ekstrim ini membabitkan papan luncur, memanjat tembok dan lain-lain yang memuaskan hati mereka. Malaysia mengalu-alukan sukan seperti ini kerana kita rasa generasi muda harus terbabit dalam kegiatan sihat.

"Mereka ini tidak berminat kecuali mereka dapati ada kepuasan. Saya yakin sukan ini akan menarik minat mereka dan kerajaan bersedia mempromosikannya," katanya.

Beliau berkata, badan korporat harus tampil menaja sukan ekstrim di negara ini meskipun ia tidak memberi pulangan segera kepada mereka. Namun katanya, dalam jangka masa panjang, Malaysia akan mendapat faedahnya.

Sementara itu, Pengarah Urusan ESPN Star Sports, Rik Dovey, berkata ESPN memilih Kuala Lumpur sebagai gelanggang sukan itu untuk selama tiga tahun sehingga 2004.

"Kami sudah melihat sendiri tenaga, semangat dan keghairahan belia Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan terhadap sukan lasak. Ini membuatkan pemilihan Malaysia sebagai gelanggang seterusnya jelas dan

mudah," katanya.

(END)